



BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING

PERTAMA - Sebagai rujukan semasa urusan temuduga, sila pastikan anda membawa **DOKUMEN ASAL** bagi setiap salinan dokumen yang diperlukan.

KEDUA - **BORANG DAN SALINAN DOKUMEN-DOKUMEN** sokongan hendaklah dijilidkan menggunakan **COMB-BINDING** MENGIKUT SUSUNAN SENARAI SEMAK di bawah :-

a) Dokumen Wajib

1.	Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pengarah atau majikan
2.	Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan – Borang 9, 13, 24 & 49 atau Form B & D atau lain- lain borang yang berkaitan (MYDATA) (Terkini dan disahkan dalam tahun semasa/dicetak SSM beserta Resit Bayaran pengesahan berkenaan) atau Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan senarai nama Ahli Lembaga Pengarah (Terkini dan disahkan oleh SKM)
3.	Kad Pengenalan Pemilik / Pengarah (Form 49 / Form D)
4.	Syarat-Syarat Bagi Wakil Syarikat: - Terdiri dari peringkat pengurusan syarikat - Nama tersenarai di dalam Penyata Caruman KWSP terkini (Berturutan) - Kad Pengenalan pemohon - Surat Perwakilan dari majikan (Ditandatangani oleh Pihak Pengarah atau Majikan)
5.	Penyata Caruman KWSP bagi 3 bulan terkini (Borang 'A' Tidak Dibenarkan) DISAHKAN OLEH PIHAK KWSP
6.	Laporan Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun semasa atau setahun sebelumnya (Syarikat Pemilikan Tunggal/Perkongsian/ <i>Enterprise</i> – Akaun Pengurusan (Kunci Kira-Kira dan Penyata Untung Rugi) yang disahkan benar oleh Juruaudit yang bertauliah iaitu MIA @ AF)
7.	Penyata Bank bagi syarikat untuk 3 bulan terkini (Berturutan) Salinan penyata Bank yang dicetak secara Online hendaklah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK (Syarikat Pemilikan Tunggal/Perkongsian/ <i>Enterprise</i> – Akaun Simpanan/Semasa Pemilik)
8.	*Sijil Perakuan Pengesahan Majikan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
9.	Insurans Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) (<i>Foreign Workers Compensation Scheme Insurance (FWCS)</i>) bagi pekerja asing sedia ada (Jika Berkenaan)
10.	Memo Periksa Keluar bagi pekerja yang telah pulang atau/dan Laporan Pekerja Lari daripada Jabatan Imigresen Malaysia (Jika Berkenaan)

* Permohonan pengambilan pekerja asing hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui sistem seperti berikut :

- Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) di pautan <https://www.eppax.gov.my> bagi permohonan pekerja asing dari **negara-negara sumber selain Bangladesh**; dan
- Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) di pautan <portal.sppa.com.my> bagi permohonan pekerja asing dari **negara sumber Bangladesh sahaja**.

b) Dokumen Tambahan Mengikut Sektor

i. Sektor Perkilangan

1.	Lesen PBT dan Lesen / Kebenaran Agensi yang berkaitan (Menyatakan aktiviti cth: perkilangan/proses /buat/ kerja-kerja kejuruteraan) Lesen MITI (bagi syarikat yang memiliki modal berbayar melebihi RM2.5 juta atau pekerja melebihi 75 orang) (sekiranya ada)
2.	Gambar hadapan & dalam premis yang jelas, terang dan berwarna (termasuk papan tanda syarikat, pejabat, peralatan dan mesin serta produk akhir)
3.	Carta Aliran Proses Penghasilan Produk dan Jumlah Pekerja (tempatan, pekerja asing dan kekosongan) yang diperlukan di setiap tempat proses (untuk mengesahkan terdapat aktiviti pembuatan di kilang)
4.	Borang K2 (CDF) atau Zon Bebas (ZB) bagi 3 bulan terkini (Berturutan) (Jika Berkenaan)
5.	Ringkasan penyata jualan eksport (<i>direct export</i>) sebagai bukti Eksport (Jika Berkenaan)

ii. Sektor Pembinaan

1.	Syarat tambahan bagi wakil syarikat yang hadir untuk temuduga: - Wakil syarikat hendaklah berjawatan pengurus ke atas sahaja.
2.	Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa
3.	'Letter Of Award' / Kontrak Kerja yang masih lagi dalam tempoh pembinaan. (projek hendaklah tidak kurang dari 3 bulan daripada tempoh/tarikh penyiapan semasa menghadiri temuduga)
4.	Resit Pembayaran Levi CIDB Mengikut Projek Pembinaan / Borang CIDB L2/96 (Borang Pemberitahuan Pengenaan Levi) / (Borang Pemberitahuan Projek)

iii. Sektor Pertanian

1.	Sijil Kelahiran (bagi tanah milik ibu bapa) / Sijil Nikah (bagi tanah milik suami / isteri)
2.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah sendiri
3.	Perjanjian Sewa Pajak yang melebihi 3 tahun yang telah disetemkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Galian / Sijil Carian Rasmi
4.	Pendaftaran / Lesen yang berkaitan Sistem Kultur Laut / Ternakan Ayam / Itik / Burung (Unggas) / Ternak Khinzir daripada Negeri / Daerah
5.	Surat sokongan dan / atau Laporan Penilaian daripada Jabatan Pertanian / Perkhidmatan Veterinar / Perikanan daripada Negeri / Daerah bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti tanaman / ternakan / akuakultur di tanah milik Kerajaan / Persendirian
6.	Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (Jika Berkenaan)

iv. Sektor Perladangan

1.	Sijil Kelahiran (bagi tanah milik ibu bapa) / Sijil Nikah (bagi tanah milik suami / isteri)
2.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah sendiri
3.	Perjanjian Sewa Pajak yang melebihi 3 tahun yang telah disetemkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan (Tidak melebihi 1 tahun) oleh Pejabat Tanah dan Galian
4.	Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (Jika Berkenaan)
5.	Sijil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) / Lembaga Getah Malaysia (LGM) / Lembaga Koko Malaysia (LKM)

v. Sektor Perkhidmatan

1.	Lesen Perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan - Akta Rumah Kebajikan (Surat kebenaran beroperasi Jabatan Kebajikan Masyarakat)
2.	Lesen Kebenaran Polis (bagi Perniagaan Logam / Barang Lusuh & Kitar Semula)
3.	'Letter Of Award' / Kontrak Kerja yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya 1 tahun & dimatikan setem mengikut nilai kontrak (bagi Pembersihan & Pencucian)
4.	'Memorandum and Articles' (M&A) syarikat (bagi Pembersihan & Pencucian)
5.	Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah / Bangunan yang disewa
6.	Gambar hadapan & dalam premis yang jelas, terang dan berwarna (termasuk papan tanda syarikat, pejabat, peralatan dan mesin bagi perkhidmatan pembersihan dan pencucian serta lain-lain yang berkaitan)
7.	Salinan Iklan dalam Jobs Malaysia atau akhbar
8.	Syarikat Pencucian & Pembersihan hendaklah mempunyai bilangan minima pekerja tempatan/pekerja asing sekurang-kurangnya 2 orang.
9.	Menu Hidangan yang lengkap (Restoran)

Permohonan yang tidak lengkap, tidak teratur dan tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan akan **DITOLAK**.

Urusan Temuduga bagi Permohonan Pengambilan Pekerja Asing adalah seperti berikut:-

Tempat : Pusat Kelulusan Setempat (OSC)
Bahagian Pengurusan Pekerja Asing
Kementerian Dalam Negeri
Aras 5, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
03 -88852940 / 88852800

Waktu Urusan : 8.30 pagi sehingga 12 tengahari (Isnin-Khamis)
8.30 pagi sehingga 11 pagi (Jumaat)

Tarikh kemaskini :20.12.2017